

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
MERASMIKAN PERTANDINGAN AKHIR KE-
JOHANAN PERBAHASAN 1975 BAGI SEKOLAH-
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DI ODITO-
RIUM BESAR, WISMA RADIO, ANGKASAPURI,
KUALA LUMPUR PADA 3HB OGOS, 1975

Y.B. Datuk Abdullah Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola,
Y.B. Dr. Mahathir Mohamad¹, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Datuk Abdullah dan ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Pertandingan Akhir Kejujukan Perbahasan Tahun 1975 antara Sekolah-sekolah Berasrama Penuh atas jemputan merasmikan upacara malam ini dan kepada isteri saya untuk menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang tahun ini.

Saya juga suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada alma mater saya, Maktab Melayu Kuala Kangsar dan Kolej Islam Malaysia yang menjadi finalist Pertandingan Bahas malam ini. Kepada sekolah-sekolah yang lain yang kurang bernasib baik, janganlah berputus asa dan cubalah lagi pada tahun hadapan.

Seperti dikatakan oleh Pengerusi tadi, tahun ini lapan belas buah sekolah termasuk Maktab Tentera Diraja, Kolej Islam dan Sekolah-sekolah Menengah Sains mengambil bahagian dalam Pertandingan Bahas ini. Saya percaya dengan bertambahnya sekolah-sekolah menyertai pertandingan ini, mutu perbahasan menjadi lebih tinggi dan minat serta kecenderungan pelajar akan menjadi lebih kuat lagi.

Saya harap dari tahun ke setahun Pertandingan Bahas ini akan menjadi lebih hebat serta mendapat sokongan yang lebih menggalakkan dari orang ramai. Pertandingan bahas ini dapat diperluaskan supaya meliputi pelajar-pelajar dalam institusi-institusi pelajaran tinggi apabila sampai masa yang sesuai kelak.

¹ Menteri Pelajaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Sebagaimana saya kerap kali menyatakan Kerajaan akan menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan di bidang pelajaran, terutama kepada masyarakat kita di luar bandar yang pada zaman penjajahan dahulu tidak mendapat layanan yang sewajarnya. Itulah tujuan Kerajaan menubuhkan sekolah-sekolah berasrama penuh dan sehingga tahun ini kita mempunyai sembilan buah sekolah berasrama penuh dan lapan Sekolah Menengah Sains yang juga berasrama penuh. Tiga buah Sekolah Menengah Sains sedang disiapkan dan dengan ini menjadikan jumlah sekolah berasrama penuh di Semenanjung Malaysia dua puluh buah.

Kerajaan bercadang membina tujuh buah lagi sekolah seperti ini di Semenanjung Malaysia di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan adanya dua puluh tujuh buah sekolah berasrama penuh ini, ditaksirkan seramai dua puluh tiga ribu orang murid akan dapat kemudahan belajar pada tiap-tiap satu tahun akademik. Dari jumlah ini adalah dijangka seramai empat ribu orang penuntut akan melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pelajaran tinggi setiap tahun. Selain dari sekolah jenis ini, Kerajaan juga membina asrama-asrama di sekolah-sekolah menengah dan rendah di bandar dan luar bandar bagi menampung keperluan murid-murid yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman.

Saya memberikan gambaran ini ialah dengan tujuan supaya ibu bapa, guru dan murid-murid sendiri dapat membayangkan betapa besarnya harapan dan cita-cita Kerajaan hendak melahirkan lebih ramai lagi bijak pandai dengan memberi peluang istimewa kepada penuntut-penuntut luar bandar. Bagi membolehkan matlamat ini dicapai dengan sepenuhnya maka kerjasama, sokongan serta bantuan dari ketiga-tiga pihak ini amat perlu supaya usaha kita itu betul-betul memberi munafaat kepada negara.

Oleh kerana tekanan atau emphasis kita sekarang ini adalah terhadap bidang sains dan teknologi, saya harap ibu bapa dan guru-guru sentiasa memupuk semangat anak-anak kita supaya mereka menunjukkan minat dan kecenderungan yang kuat kepada jurusan ini. Lebih-lebih pula kerana murid-murid yang memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh kerana mereka merupakan inti

atau "cream" yang dipilih khas untuk jurusan sains. Janganlah berpatah di tengah jalan mengambil jalan yang senang dalam jurusan sastera atau sebagainya.

Saya tahu setengah-setengah pelajar kita yang lulus Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia/Malaysia Certificate of Education merasa bahawa dalam perkhidmatan Kerajaan tangga gaji dan peluang naik pangkat bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik yang berkekelulusan Sastera adalah lebih baik daripada doktor, jurutera dan pegawai dalam bidang sains dan teknologi termasuk guru-guru sains. Pada hal mahasiswa jurusan kedoktoran, kejuruteraan dan sains mengambil masa yang lebih panjang berbanding dengan jurusan sastera.

Oleh kerana keadaan yang kurang seimbang ini, maka ramai pegawai-pegawai dalam bidang sains dan teknologi hanya menunggu tempoh masa syarat biasiswa mereka berkhidmat dengan Kerajaan dan sebaik sahaja tempoh itu tamat mereka terus mencari peluang yang lebih lumayan di bidang swasta.

Untuk mengatasi soal inilah maka sedikit hari dulu saya telah mengesyorkan supaya diwujudkan satu Sekim Perkhidmatan Pegawai Sains atau Scientific Civil Service untuk menghindar "brain drain" ini berpanjangan. Langkah ini juga diharap akan menghilangkan keraguan yang melemahkan kecenderungan penuntut-penuntut mengambil jurusan Sains ini, pelajar-pelajar yang memilih bidang ini akan melihat masa depan yang lebih cemerlang lagi.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Perkembangan pesat dalam lapangan pelajaran dan pendidikan membuktikan dengan jelasnya hasrat dan azam Kerajaan untuk mengimbangkan kedudukan masyarakat kita dalam lapangan sains dan teknologi sebagaimana terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru. Saya mempunyai penuh keyakinan dengan sokongan dan kerjasama ibubapa, guru dan penuntut sekalian, matlamat ini dapat dicapai dengan penuh kejayaan.

Saya sukalah mengambil kesempatan ini mengingatkan penuntut-penuntut khasnya mereka yang menerima kemudahan dan didikan di sekolah-sekolah berasrama penuh agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh dalam semua mata pelajaran mereka dengan menggunakan peluang dan kemudahan yang disediakan untuk mendalami lagi pengetahuan mereka sehingga dapat memasuki pusat-pusat pengajian tinggi. Harapan ibubapa dan masyarakat amnya sangat tinggi supaya mereka yang terpilih itu berjaya dalam pelajaran untuk pulang berkhidmat kepada bangsa dan negara setelah tamat kelak.

Saya juga suka menyeru kepada ibubapa dan guru-guru supaya sentiasa memberi galakan dan sokongan kepada anak-anak dan pelajar-pelajar kita supaya semangat dan kesedaran terhadap pelajaran sains dan teknologi akan terus dikekalkan bagi beberapa zaman yang akan datang.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Berbalik kita kepada Peraduan Bahas ini, saya sukalah merakamkan ucapan setinggi terimakasih kepada para Hakim, iaitu Tan Sri Dr. Rashdan Baba, Tan Sri (Dr.) Fatimah Hashim, Y.B. Dr. Goh Cheng Teik, Encik Abdul Rahman Arshad dan Puan Sharifah Abdullah atas kesudian mereka menyumbangkan masa dan tenaga bagi menjayakan peraduan ini.

Saya sendiri sangat kagum dengan Panel Hakim yang mengan-dungi tiga orang doktor akademik dan dua ahli pendidikan yang terkenal. Tan Sri Fatimah Hashim baru saja dianugerahkan LL.D Kehormat oleh Universiti Malaya kerana jasa-jasa beliau yang banyak kepada bangsa dan negara. Istimewa pula kena pada tempatnya pada Tahun Wanita Antarabangsa 1975 ini. Professor Tan Sri Dr. Rashdan Baba dan Dr. Goh Cheng Teik sudah lama berkecimpung di dalam dunia akademik dan saya rasa bangga dapat menarik Dr. Goh keluar ke alam politik supaya keahliannya dapat digunakan dalam bidang yang penting.

Meskipun Panel Hakim adalah tokoh-tokoh belaka, saya harap para finalist malam ini tidak dihindangi penyakit "cold fever" bahkan lebih berinspirasi menunjukkan kebolehan mereka.

Dengan latar belakang ini, saya penuh yakin peserta-peserta dan para hadirin sekalian akan berpuas hati dengan keputusan yang diberi oleh para hakim selesai pertandingan ini.

Dengan ini saya sukacitanya merasmikan Peraduan Bahas Peringkat Akhir Kejohanan Piala Perdana Menteri Tahun 1975 ini dan saya ucapkan Selamat Berjaya.

Terima kasih.